Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 10, e001815
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1815

Analisis Isu-isu Keterancaman Melayu Terpilih Era Pentadbiran Pakatan Harapan

(Analysis of Selected Issues of Malays Insecurities in The Era Of Pakatan Harapan Administration)

Abdul Muqit Muhammad[1*], Awang Azman Awang Pawi[2], Mohammad Tawfik Yaakub[3]

[1]Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: muqitmuhammad.am@gmail.com
[2]Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: awangazman@gmail.com
[3]Fakulti Perakaunan dan Ekonomi, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: tawfik@um.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Abdul Muqit Muhammad
(muqitmuhammad.am@gmail.com)

KATA KUNCI:
Politik Melayu
Etnikisme
Keterancaman
Ketuanan Melayu
Politik baharu

KEYWORDS:
Malays politics
Ethnicism
Insecurities
Malays Supremacy
New politics

CITATION:
Abdul Muqit Muhammad, Awang Azman Awang Pawi, & Mohammad Tawfik Yaakub. (2022). Analisis Isu-isu Keterancaman Melayu Terpilih Era Pentadbiran Pakatan Harapan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(10), e001815. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1815

ABSTRAK

Selepas Pakatan Harapan (PH) berjaya menumbangkan rejim Barisan Nasional (BN) buat kali pertamanya dalam sejarah politik negara, PH yang berjaya membentuk kerajaan di peringkat pusat telah berdepan dengan satu cabaran politik daripada orang Melayu iaitu keterancaman Melayu. Psike keterancaman ini jelas terserlah apabila isu-isu keterancaman Melayu sering diperdebatkan dalam ruang awam sama khususnya di media sosial sepanjang tempoh pemerintahan PH. Justeru itu, objektif utama kajian ini adalah untuk membincangkan lima isu keterancaman Melayu terpilih yang berlaku ketika sesi pemerintahan PH serta menganalisis faktor pendorong keterancaman Melayu. Dengan mengaplikasikan pendekatan kualitatif, data-data kemudiannya dianalisis secara deskriptif berpandukan kerangka konseptual keterancaman yang dibincangkan. Artikel ini menghujahkan, isu-isu keterancaman Melayu yang berbangkit dalam tempoh pemerintahan PH misalnya pelantikan bukan Melayu dalam jawatan utama negara dan ratifikasi ICERD didorong oleh empat faktor utama iaitu, ketiadaan identiti sepunya, kuasa politik dan ekonomi yang tidak selari antara etnik, manipulasi politik pihak berkepentingan serta akhir sekali, pendekatan PH yang gagal menjadi pelindung kepada orang Melayu. Isu-isu ini penting untuk dibincangkan kerana meninggalkan impak yang cukup besar kepada PH terutamanya melibatkan sokongan orang Melayu terhadap PH serta merencatkan pelaksanaan agenda reformasi institusi yang menjadi hasrat kerajaan PH.

ABSTRACT

After the Alliance of Hope (PH) successfully defeated the National Front (BN) regime for the first time in local

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

political history, PH who was able to form a government at federal level had faced a political challenge from the Malays which was Malays insecurities. This psych of insecurities was distinct when issues of Malays insecurities were frequently debated in public as well as social media. Therefore, the main objective of this research is to discuss five selected main issues of Malays insecurities during PH ruling, and to analyse factors that lead to Malays insecurities. With qualitative approach, data collected was analysed descriptively according to insecurities conceptual framework. This article argues that, the rising of Malays insecurities issues within PH ruling such as the appointmet of non-Malays in important positions and ICERD ratification were lead by four main factors which are, the absence of shared identity, the asymmetries of political and economical power between ethnics, manipulation of politics of stakeholders and last but not least, approach by PH that failed to be the protector of the Malays. These issues are crucial to be discussed as each leaves a huge impact to PH especially on the support from the Malays towards PH and disruption of the execution of reformation agenda that was initially planned by PH.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini telah merumuskan beberapa isu keterancaman Melayu dalam era pentadbiran Pakatan Harapan antaranya seperti isu ICERD, Statut Rom serta polemik tulisan Jawi. Kajian ini menyumbang kepada korpus politik Melayu dengan mengukuhkan kerangka konseptual keterancaman Melayu secara lebih khusus.

1. Pengenalan

Psike merupakan kata pinjaman bahasa Inggeris iaitu *psyche* yang banyak digunakan dalam bidang psikologi, psikoanalisis dan psikiatrik (Berghash & Jillson, 1998; Dimaggio & Markus, 2010). Menurut Winnicot (1965), psike ialah "*remembering the past, being aware of present, anticipating the future and tying them together*." Keterancaman Melayu merupakan satu kesan psikologi atau psike politik yang sentiasa melatari budaya politik Melayu. Psike keterancaman ini memberikan impak yang cukup besar terhadap budaya politik orang Melayu sehinggakan orang Melayu menjadi sensitif dengan sebarang bentuk perubahan yang dipercayai mampu mencabar atau meremehkan kedudukan orang Melayu di negara ini. PH yang memperkenalkan slogan "Malaysia Baharu" pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) turut mengamalkan politik baharu yang dilihat berlawanan dengan aspirasi orang Melayu misalnya kebebasan dan kesamarataan (Muhamad Takiyuddin & Sity, 2016). Pendekatan PH juga menjadi sasaran kritikan pelbagai pihak kerana dianggap mengamalkan keterbukaan dan toleransi yang melampau (Baharom & Mohd Syarul Razi, 2018). Hal ini terserlah dalam pendekatan PH terhadap kumpulan LGBT.

Berbeza dengan isu keterancaman global, analisis secara tersusun dan berstruktur mengenai isu-isu keterancaman Melayu khususnya ketika PH memerintah masih lagi terbatas. Oleh sebab itu, artikel ini mempunyai beberapa tujuan, iaitu mengenal pasti beberapa isu keterancaman Melayu yang berlaku ketika sesi pemerintahan PH dan kedua, menganalisis faktor pendorong keterancaman Melayu berpandukan kerangka

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

konseptual keterancaman. Bagi mencapai objektif tersebut, artikel ini dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu pertama, membincangkan konsep keterancaman secara umum dan konsep keterancaman Melayu secara khusus. Seterusnya, artikel ini membincangkan isu-isu keterancaman Melayu era pentadbiran PH dan ketiga, menganalisis isu-isu tersebut berpandukan kerangka konseptual yang dibangunkan.

2. Metod Kajian

Bagi mendapatkan sebuah kajian yang mendalam, kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif bagi menganalisis data. Data yang digunakan dalam kajian ini ialah data sekunder yang diperolehi daripada buku, hasil kajian lepas, jurnal, makalah, media dalam talian dan beberapa bahan lain termasuklah dokumen asal bagi mengukuhkan perbincangan konseptual. Data-data sekunder ini kemudiannya dianalisis secara deskriptif berpandukan kerangka konseptual keterancaman yang dibincangkan.

2.1. Kerangka Konseptual

2.1.1. Definisi Keterancaman

Definisi dan konsep keterancaman banyak dikemukakan oleh sarjana-sarjana politik antarabangsa khususnya dalam bidang hubungan antarabangsa dan keselamatan global. Keterancaman berasal daripada istilah ancaman yang bermaksud satu tindakan bagi tujuan membahayakan serta telah wujud secara semula jadi dalam diri individu, agama, budaya, gender ataupun orientasi seksual (Ciovacco, 2019). Dalam erti kata lain, ancaman boleh wujud dalam pelbagai segmen masyarakat dan bukan khusus kepada masyarakat tertentu semata-mata. Definisi ancaman dikukuhkan lagi dengan pandangan Davis (2000) yang melihat ancaman sebagai satu situasi yang berlaku apabila wujud satu individu atau satu kumpulan manusia yang mempunyai "kemampuan" dan "berhasrat" untuk mencetuskan kesan negatif terhadap satu individu atau satu kumpulan yang lain. Dalam takrifan ini, sarjana ini mengusulkan dua asas penting yang perlu wujud bagi mencetuskan ancaman iaitu kemampuan (*ability*) serta hasrat (*intention*). Ketiadaan salah satu daripada asas tersebut berkemungkinan tidak akan membawa implikasi ancaman.

Definisi keterancaman dikukuhkan lagi oleh Witsenburg dan Zaal (2012) yang mendefinisikan keterancaman sebagai satu situasi yang tidak selamat atau dalam bahaya. Definisi ini lebih menepati konsep yang digunakan dalam kajian ini kerana keterancaman Melayu yang dimaksudkan lebih bersifat dalaman berbanding dengan luaran. Beland (2007) memperkemas definisi ini dengan pandangan bahawa keterancaman merupakan sebagai satu perasaan takut akibat kurangnya perlindungan. Menurutnya, istilah keterancaman itu sendiri secara literalnya berasal daripada istilah 'terancam'*(insecure*) yang membawa maksud takut, bimbang dan tidak yakin. Tambahan pula, politik Melayu turut memiliki konsep pelindungnya yang khusus. Secara umumnya, sarjana-sarjana di atas bersetuju bahawa keterancaman membentuk perasaan kurang senang secara dalaman terhadap kumpulan yang lebih lemah.

Melanjutkan lagi perbincangan mengenai keterancaman, sarjana-sarjana Barat turut mengkategorikan keterancaman kepada dua bentuk, iaitu keterancaman yang terbentuk secara persepsi dan kedua, keterancaman yang wujud secara realiti. Keterancaman yang wujud secara persepsi sukar untuk dibuktikan berbanding dengan keterancaman yang wujud secara nyata kerana didirikan atas andaian semata-mata (Ciovacco, 2019).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pandangan ini turut dipersetujui oleh Witsenburg dan Zaal (2012) yang menganggap terdapat perbezaan yang ketara antara "menjadi terancam" (*being insecure*) dengan "berasa terancam" (*feeling insecure*). Menurut kedua-dua sarjana ini, ancaman yang wujud secara nyata dapat dianalisis menerusi fakta dan statistik berbanding ancaman yang bersifat subjektif dan persepsi. Walau bagaimapun, sama ada keterancaman itu bersifat persepsi atau tidak, keterancaman kebiasaannya akan berjaya dimanipulasi sekiranya tidak berpandukan maklumat yang jelas terhadap sesuatu ancaman (Witsenburg & Zaal, 2012).

Psike keterancaman dihuraikan lagi oleh Furedi (2018) dengan lebih mendalam. Menurutnya, keterancaman muncul daripada budaya ketakutan yang telah ditanam dan membuatkan sesuatu kumpulan tersebut berasa takut, seolah-olah terancam, lemah dan ditindas. Tambah sarjana ini lagi, keterancaman yang muncul pula berbeza-beza antara satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain. Faktor perbezaan budaya, politik, cara beragama, jantina, umur dan latar belakang ekonomi turut mempengaruhi tanggapan sesuatu masyarakat terhadap keterancaman. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, isu keterancaman di peringkat global lebih menjurus kepada terorisme, pemanasan global, pandemik dan kemusnahan akibat senjata (Furedi, 2018). Selain itu, keterancaman global juga boleh terdiri daripada ancaman berbentuk ketenteraan, ekonomi, identiti sosial, alam sekitar, kesihatan, bencana dan jenayah (Hough, 2008). Oleh sebab itu, bagi memahami psike keterancaman Melayu, kajian ini turut membincangkan konsep keterancaman Melayu yang memiliki epistemologinya yang khusus.

Di samping itu, keterancaman turut dibincangkan menerusi dua perspektif, iaitu keterancaman secara kolektif (*collective insecurity*) dan keterancaman secara individu (*individual insecurity*). Keterancaman secara individu merupakan keadaan ancaman yang berbentuk fizikal, sama ada ancaman ke atas harta peribadi, pendapatan, kepercayaan dan nilai peribadi manakala keterancaman secara kolektif melibatkan bentuk ancaman yang seperti ancaman ketenteraan, ekonomi dan juga kebudayaan (Davis, 2000). Menurut Beland, tumpuan kajian kebiasaanya berfokus kepada kategori keterancaman yang kedua kerana keterancaman secara kolektif lebih meninggalkan kesan yang besar berbanding keterancaman secara individu dan dalam sesetengah situasi, keterancaman secara individu juga boleh berubah menjadi keterancaman secara kolektif (Beland, 2007).

Bagi memahami faktor yang mendorong keterancaman, Beland (2007) merumuskan dua faktor utama yang membentuk pola keterancaman secara kolektif iaitu konstruk politik (*political construct*) dan kedua, faktor konstruk sosial (*social construct*). Bagi sarjana ini, peranan elit politik dalam memanipulasi keterancaman agar menjadi satu isu sosial dan politik sangat signifikan khususnya menerusi penetapan agenda (*agenda setting*) dan proses pembingkaian (*framing process*) persepsi awam dalam meraih sokongan politik. Melalui penetapan agenda, elit politik akan mengutarakan isu-isu keterancaman bagi membentuk persepsi awam agar menyokong agenda-agenda politik mereka (Beland, 2007).

Proses pembingkaian pula digunakan oleh elit politik bagi menampakkan diri mereka sebagai penyelesai kepada isu-isu yang dilontarkan. Hal ini memberikan kesan yang cukup besar dalam mempengaruhi sentimen awam dan membentuk legasi politik yang positif dalam kalangan orang awam (Beland, 2007). Pandangan Beland (2007) ini turut disokong oleh Ciovacco (2019). Sarjana ini berpandangan, persepsi awam turut

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dibentuk menerusi penetapan agenda pihak media, iaitu dengan menonjolkan wacana berkaitan sesuatu isu ancaman. Wacana tersebut pula membawakan sumber-sumber yang kelihatan mempunyai autoriti seperti wartawan dan ahli akademik walaupun hakikatnya, naratif yang dimainkan oleh pihak media berbentuk interpretasi yang tidak jelas dan bersikap berat sebelah (*bias*) (Ciovacco, 2019). Perbincangan sarjana ini menunjukkan naratif keterancaman yang dimainkan oleh segelintir elit politik turut mempengaruhi psike keterancaman. Oleh sebab itu, naratif Melayu terancam juga perlu diperhalusi dari aspek ini.

Dari aspek konstruk sosial pula, Rousseau dan Garcia-Retamero (2007) berpandangan keterancaman juga terbentuk akibat ketidakselarian kuasa (*power asymmetries*) dan ketiadaan identiti sepunya (*shared identity*) antara kumpulan-kumpulan yang bersaing. Menerusi teori konflik, kedua-dua sarjana ini menegaskan, kuasa yang tidak seimbang sama ada politik atau ekonomi akan mengundang krisis antara kumpulan. Disebabkan pengagihan ekonomi yang tidak sekata dan kuasa politik yang tertumpu kepada satu-satu kumpulan sahaja, kumpulan yang lebih lemah dan kurang berkuasa sama ada dari aspek ekonomi atau politik beranggapan bahawa kedudukan mereka dalam keadaan yang tidak stabil dan terancam, manakala kumpulan yang lebih berkuasa pula merasakan mereka mampu untuk mencabar status quo. Aspek konstruk sosial ini menepati perbincangan mengenai keterancaman Melayu kerana terdapat kesenjangan ketara dari aspek penguasaan ekonomi dan politik di negara ini apabila kedua-dua aspek tersebut dianggap telah didominasi oleh etnik tertentu misalnya ekonomi oleh etnik Cina dan politik oleh etnik Melayu.

Hujah Rousseau dan Garcia-Retamaro (2007) ini turut disokong oleh Simpson dan Yinger (1985) yang berpandangan bahawa persaingan antara kumpulan bagi merebut kuasa politik dan ekonomi akan mengakibatkan keterancaman selain daripada berpotensi menimbulkan ketidakstabilan politik. Sarjana-sarjana ini juga percaya, persepsi negatif antara kumpulan mampu dikurangkan sekiranya wujud identiti sepunya, malah dalam sesetengah kes mampu menyingkirkan unsur-unsur keterancaman yang wujud. Teori identiti sosial turut menghuraikan unsur keterancaman yang terbentuk akibat prejudis terhadap kumpulan yang mempunyai identiti yang berbeza (*out-group*) dengan andaian bahawa kumpulan tersebut mempunyai kemampuan dan niat untuk memberikan kesan negatif kepada kumpulan yang mempunyai identiti yang sama (*in-group*) (Rousseau & Garcia-Retamero, 2007). Penjelasan ini menunjukkan identiti menjadi faktor penyumbang penting kepada keterancaman yang berlaku.

2.1.2. Konsep Keterancaman Melayu

Perbincangan mengenai takrif keterancaman menurut perspektif orang Melayu perlu dikemukakan dalam kajian ini kerana keterancaman Melayu memiliki ciri-cirinya yang khusus dan berbeza dengan keterancaman masyarakat antarabangsa. Perbezaan budaya, pengalaman sejarah, politik dan ekonomi yang berbeza menjadikan isu ini perlu dilihat dalam kerangka tempatan. Terdapat dua konsep penting dalam politik Melayu yang berhubung kait dengan konsep keterancaman iaitu nasionalisme Melayu dan konsep pelindung (*protector*). Kedua-dua konsep ini begitu signifikan dan erat dengan budaya politik Melayu terutamanya orang Melayu tradisional. Oleh sebab itu, perbincangan mengenai keterancaman Melayu perlu didirikan atas dua konsep ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Nasionalisme Melayu atau semangat kebangsaan Melayu sangat dipengaruhi oleh psike keterancaman. Elemen-elemen yang dilihat mampu mencabar atau menggugat status quo orang Melayu memberikan pengaruh yang cukup besar terhadap perkembangan nasionalisme Melayu di Tanah Melayu yang sebelumnya berkembang secara terpisah mengikut daerah/ negeri dan bersifat parokial. Konsep nasionalisme Melayu juga tidak boleh dilihat secara terpisah dengan konsep 'Kemelayuan' (*Malayness*) yang bermaksud semangat ingin mempertahankan kepentingan dan identiti orang Melayu sebagai sebuah 'bangsa' (Ahmat Adam, 2014). Konsep Kemelayuan telah banyak disentuh oleh beberapa sarjana dalam dan luar negara antaranya Shamsul (2001), Milner (2019), Reid (2019) dan Hooker (2019).

Menjelaskan konsep nasionalisme Melayu, Ahmat Adam (2014) berpandangan bahawa semangat nasionalisme Melayu bukanlah bersifat menghalau penjajah sebaliknya sebagai satu semangat untuk mempertahankan dan mengukuhkan kepentingan Melayu sebagai sebuah bangsa di negara ini. Menurut sarjana ini lagi, corak nasionalisme Melayu tersebut lebih mirip dengan nasionalisme berasaskan etnik (*ethno-nationalism*) iaitu satu bentuk nasionalisme berasaskan kesetiaan kepada segmen masyarakat tertentu atau kumpulan kebudayaan yang sama (Heywood, 2007; Gurnam Singh & Manjit Kaur, 2008; Bram & Gammer, 2013). Pandangan tersebut diperkukuhkan dengan hakikat bahawa kesedaran berpolitik dalam kalangan orang Melayu muncul paling awal sekitar tahun 1930-an juga berpunca daripada rasa terancam orang Melayu. Rasa terancam tersebut didorong oleh sikap pendatang yang mula membuat tuntutan sama rata dengan orang Melayu sebagai peribumi (Ahmat Adam, 2014).

Tindak balas orang Melayu terhadap tuntutan bukan Melayu diterangkan oleh Rustam (2011) sebagai satu bentuk mekanisme penstrukturan bertahan (*defensive structuring*), iaitu untuk memperkukuh kedudukan diri secara eksklusif yang bertujuan untuk "membangun dan memelihara identiti budaya dalam keadaan mereka rasakan sebagai ancaman luaran kepada identiti mereka" (Rustam, 2011). Tindak balas tersebut berlaku apabila orang Melayu menyedari bahawa kedudukan mereka sebagai peribumi mula terancam akibat cabaran dan tuntutan oleh bukan Melayu, yang mula menganggap diri mereka sebagai sebahagian daripada penduduk negara ini. Keterancaman tersebut terserlah setelah bukan Melayu telah menuntut hak dan layanan politik yang sama rata dengan orang Melayu. Reaksi yang sama juga diserlahkan oleh orang Melayu dalam politik moden Malaysia pada hari ini.

Pandangan sarjana tersebut juga dikukuhkan dengan pandangan Abdul Rahman (2015) yang menganggap orang Melayu masih sukar menerima status Melayu yang dianggap sebagai setara dengan etnik-etnik lain di Malaysia. Oleh sebab itu, orang Melayu masih menganggap nasionalisme Melayu belum lagi selesai kerana kedudukan Melayu di negara ini masih belum kukuh dan berada dalam keadaan terancam dan tidak stabil (Abdul Rahman, 2015). Psike keterancaman ini tetap berterusan meskipun kedudukan orang Melayu telah dijamin di dalam Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan. Hal ini kerana, jaminan tersebut tidak bermakna kedudukan istimewa Melayu telah diterima secara hakiki oleh etnik-etnik bukan Melayu serta masih terbuka untuk dicabar. Perbincangan ini menunjukkan bahawa gejala keterancaman itu masih kekal dalam psike dan semangat nasionalisme Melayu.

Seperti yang dihuraikan oleh Beland (2007), keterancaman terhasil daripada ketiadaan perlindungan ketika menghadapi ancaman. Chandra (1979) menghuraikan satu konsep penting dalam budaya politik feudal Melayu, iaitu konsep pelindung (*protector*). Konsep

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ini menerangkan peranan pemerintah (raja) yang perlu menjadi pelindung kepada dengan yang diperintah (rakyat) sebagai balasan kepada ketaatan yang diberikan oleh orang Melayu. Simbol pelindung bukan sahaja memberikan kesan psikologi kepada orang Melayu tetapi turut memberi kesan politik (Chandra, 1979).

Walau bagaimanapun, peranan pelindung secara simbolik ini tidaklah sepenting peranan pelindung secara substantif yang dimiliki oleh pemimpin kerajaan. Hal ini kerana pembentukan raja berpelembagaan telah membataskan kuasa yang dimiliki raja kepada urusan hal ehwal agama dan adat istiadat (Chandra, 1979). Syed Husin (2004) menyifatkan nilai feudal menebal dalam jiwa orang Melayu membentuk corak feudalisme yang baharu dan berpaksikan kepada pemimpin politik. Dengan beralihnya corak ketaatan ini kepada pemimpin politik, orang Melayu mengharapkan agar kedudukan mereka dapat dilindungi oleh mereka yang memegang kuasa kerajaan sama ada dalam aspek politik, ekonomi mahupun kebudayaan (Syed Husin, 2004).

Justeru itu, kajian ini memberi tumpuan kepada isu-isu keterancaman Melayu yang berlaku ketika pemerintahan PH. Isu-isu tersebut memberi gambaran kewujudan psike keterancaman Melayu akibat krisis kepercayaan terhadap kerajaan PH dalam melindungi kepentingan Melayu daripada diancam oleh bukan Melayu. Kajian ini turut membincangkan keterancaman Melayu menerusi konsep keterancaman yang diketengahkan oleh beberapa sarjana dalam politik global dan disesuaikan mengikut konteks sosiopolitik Melayu di negara ini.

3. Isu Keterancaman Melayu Era PH

Tempoh pemerintahan PH selama 22 bulan menyaksikan terdapat banyak berbangkit isu yang berkait dengan kepentingan Melayu dan Islam. Pelbagai faktor dapat dikaitkan dengan sebab berbangkitkan isu-isu tersebut misalnya kurangnya kepekaan kerajaan PH sendiri dalam mengurus sensitiviti orang Melayu serta kelemahan parti-parti berteraskan Melayu (Bersatu) dan Islam (AMANAH) di dalam PH. Keadaan ini dirumitkan lagi apabila terdapat campur tangan pihak-pihak tertentu khususnya daripada parti pembangkang ketika itu yang kerap bermain dengan sentimen Melayu-Islam bagi meraih sokongan orang Melayu. Secara sepintas lalu, berikut ialah beberapa isu keterancaman Melayu sepanjang tempoh pentadbiran PH:

i. Pelantikan bukan Melayu dalam jawatan utama dan strategik negara.
ii. Kes kematian Adib.
iii. Ratifikasi ICERD.
iv. Ratifikasi Statut Rom.
v. Pengurangan penjawatan awam sebanyak 5 peratus.
vi. Pemotongan subsidi petani dan nelayan.
vii. Kuota pendidikan.
viii. Pengiktirafan UEC.
ix. Pembelajaran tulisan Jawi di Sekolah Jenis Kebangsaan.
x. Penjualan aset Tabung Haji (TH).
xi. Bantuan Kementerian Kewangan kepada kolej swasta Cina.

Meskipun isu-isu yang timbul ini memberikan implikasi yang besar terhadap sentimen orang Melayu, hanya lima isu Melayu terancam yang dianalisis dalam artikel ini iaitu, pelantikan bukan Melayu dalam jawatan utama negara, ratifikasi ICERD, pengiktirafan UEC, polemik tulisan Jawi dan rasionalisasi aset TH. Lima isu yang dibincangkan ini signifikan untuk dibincangkan kerana mempunyai dua elemen keterancaman iaitu

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

konstruk sosial dan konstruk politik seperti yang dihuraikan dalam kerangka konseptual.

3.1. Pelantikan bukan Melayu dalam Jawatan Utama Negara

Dalam isu pelantikan bukan Melayu dalam jawatan-jawatan utama atau strategik negara, terdapat beberapa pelantikan bukan Melayu yang menjadi polemik antaranya pelantikan Lim Guan Eng sebagai Menteri Kewangan, Liew Chin Tong sebagai Timbalan Menteri Pertahanan, Sivarasa Rasiah sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar serta pelantikan Richard Malanjum sebagai Ketua Hakim Negara dan Tommy Thomas sebagai Peguam Negara. Pelantikan bukan Melayu di jawatan-jawatan tersebut dilihat oleh orang Melayu sebagai satu cubaan bukan Melayu untuk menguasai kerajaan dan negara (Ab Basith & Mohd Mahadee, 2018). Analisis dalam artikel ini tertumpu kepada dua pelantikan bukan Melayu iaitu Richard Malanjum yang dilantik sebagai Ketua Hakim Negara dan Tommy Thomas sebagai Peguam Negara.

Praktik pelantikan tersebut dilihat sebagai di luar kebiasaan semasa kerana pelantikan Richard Malanjum telah menjadikan beliau sebagai individu bukan Melayu yang kedua menduduki posisi tersebut selepas James Beverigde Thomson, yang menjadi Ketua Hakim Negara dari tahun 1963 sehingga tahun 1966 (Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, n.d.). Pelantikan Tommy Thomas yang menggantikan Mohamad Apandi Ali pula menjadikan beliau sebagai bukan Melayu pertama yang memegang jawatan tersebut semenjak penubuhan Malaysia pada tahun 1963 (Jabatan Peguam Negara, n.d.). Perlembagaan Persekutuan juga tidak menetapkan sebarang peruntukan yang mewajibkan kedua-dua jawatan tersebut diisi oleh orang Melayu semata-mata. Walau bagaimanapun, ketidaklaziman tersebut telah membuka ruang persepsi kepada orang Melayu yang tradisional yang belum terbuka sepenuhnya untuk menerima pelantikan bukan Melayu di kedua-dua jawatan tersebut.

Salah satu faktor yang menyebabkan pelantikan bukan Melayu dalam jawatan Ketua Hakim Negara dan Peguam Negara menjadi polemik adalah kerana kekeliruan berkenaan bidang kuasa kedua-dua jawatan tersebut. Berkenaan Ketua Hakim Negara misalnya, penolakan orang Melayu terhadap Richard Malanjum berpunca daripada anggapan bahawa individu yang mengepalai badan tertinggi kehakiman perlulah memiliki ilmu asas berkenaan Islam, prinsip perundangan Islam dan perbandingan antara undang-undang sivil dan Syariah. Pada mereka, Mahkamah Persekutuan merupakan tempat penyelesaian bagi sebarang konflik percanggahan antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah (Rohaniza, 2018). Anggapan tersebut jelas berbeza daripada bidang kuasa sebenar Ketua Hakim Negara, antaranya ialah mentafsirkan Perlembagaan Persekutuan, menentukan keabsahan sebarang undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau Dewan Negeri serta memberi pendapat tentang Perlembagaan Persekutuan sekiranya diminta oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA) (Mohd. Salleh, 2015).

Perkara yang sama turut berlaku dengan pelantikan Tommy Thomas, kekeliruan berkaitan bidang kuasa yang dimiliki oleh Peguam Negara dikatakan menjadi faktor pendorong kepada keterancaman Melayu. Justifikasi pihak yang menolak pelantikan Tommy Thomas kerana beranggapan Peguam Negara mampu mencampuri urusan jurisdiksi badan kehakiman termasuklah Mahkamah Syariah dan hal-hal yang berkaitan perundangan Islam. Oleh sebab itu, pelantikan Peguam Negara yang bukan beragama Islam dikhuatiri tidak dapat menjalankan tugas sebagai penasihat kepada kerajaan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dalam isu-isu berkaitan perundangan Islam. Pandangan tersebut walau bagaimanapun disanggah oleh Aziz Bari yang menyifatkan Peguam Negara tidak memiliki sebarang kuasa ke atas Mahkamah Syariah, Mahkamah Tentera dan hal-hal Syariah. Aziz Bari turut menjelaskan bahawa Peguam Negara tidak mempunyai sebarang peranan dalam menasihati kerajaan ataupun Majlis Raja-Raja berhubung hal Syariah (Nabihah, 2018). Hal ini dikukuhkan dengan pandangan Mohd. Salleh (2015) yang berpendapat Peguam Negara hanyalah bertindak sebagai penasihat undang-undang kepada kerajaan serta mempunyai kuasa budi bicara untuk memulakan, menjalankan dan menghentikan mana-mana prosiding kecuali yang dibicarakan di Mahkamah Syariah, Mahkamah Bumiputera dan Mahkamah Tentera (Mohd. Salleh, 2015).

Beberapa pemimpin PH cuba menegaskan pelantikan Richard Malanjum sebagai Ketua Hakim Negara tidak akan menjejaskan kedudukan umat Islam di negara ini misalnya Mujahid Yusof yang menyifatkan kedudukan YDPA sudah cukup untuk bertindak sebagai pelindung agama Islam, dan YDPA tidak akan memperkenankan sesuatu yang bercanggah dan merosakkan agama. Mujahid turut menganggap persepsi tersebut sengaja ditimbulkan bagi memperlihatkan PH gagal untuk memelihara Islam (Siti A'isyah, 2018). Anwar Ibrahim pula menyokong pelantikan Tommy Thomas sebagai Peguam Negara dan percaya bahawa pelantikan tersebut tidak akan menjejaskan kedudukan Islam, hak istimewa orang Melayu mahupun menggugat Perlembagaan Negara. Menurutnya, Tommy Thomas hanya bertindak mengikut bidang kuasa yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan (Berita Harian Singapura, 2018). Walau bagaimanapun, kenyataan-kenyataan tersebut tidak meredakan kegusaran yang timbul dalam kalangan orang Melayu disebabkan pelantikan bukan Melayu di posisi-posisi penting negara.

Prinsip kesamarataan dan meritokrasi yang menjadi pertimbangan PH telah membuka ruang kepada bukan Melayu untuk memegang jawatan-jawatan penting negara. Meskipun keputusan tersebut memiliki justifikasinya yang tersendiri, namun tindakan tersebut seolah-olah membenarkan tuduhan UMNO/BN selama ini bahawa PH tidak akan menjaga kepentingan Melayu sekiranya mendapat kuasa. Hal ini sekaligus membuatkan PH dianggap sebagai satu ancaman kepada orang Melayu kerana kerajaan PH tidak mampu menjalankan tugas sebagai "pelindung" yang bersifat substantif kepada orang Melayu seperti yang dibincangkan oleh Chandra (1979) dan Beland (2007) yang berpendapat keterancaman boleh berlaku akibat kurangnya perlindungan.

Orang Melayu yang sudah terbiasa dengan pengamalan hegemoni UMNO dalam BN sukar menerima prinsip perkongsian kuasa antara parti yang setara seperti di dalam PH (Chin, 2018). Tambahan pula, bilangan kerusi parti-parti yang berteraskan Melayu-Islam dalam PH begitu kecil jika dibandingkan dengan bilangan kerusi yang dimiliki oleh PKR dan DAP (Ab Basith & Mohd Mahadee, 2018). Bilangan kerusi parti Melayu-Islam yang kecil dalam PH dilihat memberi kesan kepada orang Melayu khususnya dari sudut psikologi yang merasakan "ketuanan Melayu" mula digugat. Hal ini berbeza dengan hegemoni UMNO dalam BN yang memberi kelegaan psikologi kepada orang Melayu sehinggakan jawatan-jawatan utama dalam negara hanya diisi oleh orang Melayu (Thock, 2015). Sentimen sebegini dalam kalangan orang Melayu seolah-olah tidak difahami oleh kerajaan PH sehinggakan timbul anggapan bahawa PH tidak melindungi kepentingan orang Melayu.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3.2. Isu Ratifikasi ICERD

ICERD atau Konvensyen Antarabangsa Penghapusan Diskriminasi Kaum merupakan satu inisiatif daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Konvensyen ini juga selari dengan prinsip PBB sebagai sebuah pertubuhan dunia yang memperjuangkan kesamarataan dalam setiap lapisan masyarakat antarabangsa tanpa membezakan warna kulit, warna dan bangsa. Konvensyen ini lulus buat kali pertama pada 21 Disember 1965 oleh PBB dan terdapat 182 buah negara yang sudah menjadi negara anggota (*state member*) kepada konvensyen ini. Walau bagaimanapun, masih terdapat 15 buah negara yang belum meratifikasi ICERD termasuklah beberapa negara anggota ASEAN seperti Brunei Darussalam, Myanmar termasuklah Malaysia (United Nation, 1966). Bagi menunjukkan komitmen kerajaan Malaysia terhadap perjuangan melawan diskriminasi, Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri ketika berucap di Perhimpunan Agung PBB Kali Ke-73 pada September 2018 telah menyatakan kesungguhan kerajaan Malaysia untuk meratifikasi enam isi utama yang terkandung dalam ICERD dan bersedia untuk mendukung sepenuhnya prinsip teras konvensyen tersebut yakni menentang dasar bersifat perkauman (Siti Aeisha & Nor Diyana, 2019).

Langkah kerajaan PH meratifikasi ICERD ini akhirnya telah mengundang polemik sekali gus menyerlahkan psike keterancaman Melayu. Dalam kalangan orang Melayu, penolakan terhadap ICERD banyak tertumpu seputar isu kedudukan istimewa Melayu dan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan. Meskipun konvensyen ini mendukung prinsip dan tujuan yang murni seperti memperjuangkan isu diskriminasi dan intimidasi atas sebab perbezaan etnik dan agama, terma kesamarataan yang menjadi tunjang konvensyen ini dipandang dalam kerangka negatif bagi orang Melayu yang sensitif dengan idea kesamarataan (Tashny, 2018). Pada November 2018, kerajaan akhirnya telah mengumumkan pembatalan konvensyen ini kerana menerima bantahan yang cukup hebat daripada orang Melayu-Islam di negara ini (Kartini & Suraiya, 2020).

Faktor penolakan utama orang Melayu terhadap ICERD ialah jaminan pengekalan kedudukan istimewa orang Melayu dan agama Islam di negara ini sekiranya ICERD telah diterima. Hal ini terserlah apabila pelbagai pihak telah menyuarakan bantahan terhadap ICERD termasuklah Mufti Wilayah Persekutuan, Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM). Dr. Zulkifli al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan menyifatkan langkah meratifikasi ICERD akan membuka ruang untuk mencabar keabsahan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan serta Perkara 3(1) iaitu kedudukan Islam sebagai agama persekutuan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2018). PUM menerusi Yang Dipertuanya menganggap ICERD bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan, adat budaya dan menganggu kerukunan masyarakat di Malaysia (Nurul Riduan, 2018). MTEM pula menyatakan bantahannya atas anggapan bahawa langkah meratifikasi ICERD akan merisikokan institusi-institusi Bumiputera seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan juga tanah rizab untuk Melayu dan Bumiputera (Ahmad Yazid, 2019).

Pandangan-pandangan tersebut turut memiliki meritnya yang tersendiri kerana terdapat beberapa klausa di dalam ICERD yang menegaskan komitmen negara anggota yang meratifikasi ICERD agar tidak bercanggah dengan prinsip yang digariskan oleh ICERD misalnya dalam Artikel 2(1)(c):

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

> *"Each State Party shall take effective measures to review governmental, national and local policies, and to amend, rescind or nullify any laws and regulations which have the effect of creating or perpetuating racial discrimination wherever it exists;"* (OHCHR 2022, p.2).

Bagi membasmi unsur diskriminasi, ICERD juga menjamin hak yang sama rata kepada semua warganegara dalam beberapa perkara asas misalnya pendidikan, hartanah, ekonomi, politik dan sebagainya. Jaminan terhadap perkara-perkara tersebut dinyatakan secara jelas dalam Artikel 5 ICERD dan diwajibkan kepada negara anggota untuk menjamin hak-hak tersebut secara adil di bawah undang-undang:

> "*In compliance with the fundamental obligations laid down in Article 2 of this Convention, States Parties undertake to prohibit and to eliminate racial discrimination in all its forms and to guarantee the right of everyone, without distinction as to race, colour, or national or ethnic origin, to equality before the law, notably in the enjoyment of the following rights;*" (OHCHR 2022, p.3).

Klausa-klausa ini dilihat sebagai satu ancaman kepada orang Melayu kerana berpotensi untuk menggugat asas tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan seperti kelebihan dan keistimewaan kepada orang Melayu serta Bumiputera Sabah dan Sarawak. Asas tradisi ini merupakan satu inti pati penting dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Abdul Aziz, 2010; Mohd. Salleh, 1986). Kelebihan tersebut mencakupi aspek yang cukup luas termasuklah biasiswa, kuota pendidikan, pemilikan hartanah, penjawatan awam. Aspek-aspek ini secara eksplisit termaktub dalam Perkara 153. Bukan sekadar itu, Perlembagaan Persekutuan juga memberi kelebihan kepada orang Melayu dalam Perkara 88 berkaitan tanah simpanan Melayu yang hanya boleh dimiliki oleh orang Melayu semata-mata (Perlembagaan Persekutuan). Sekiranya peruntukan istimewa tersebut difahami secara literal, peruntukan tersebut akan dianggap mengandungi konotasi yang diskriminatif dan bercanggah dengan prinsip yang digariskan oleh ICERD, terutamanya Artikel 5(d)(v) ICERD iaitu hak untuk memiliki hartanah dan semua yang berkaitan dengannya serta hak untuk mendapatkan pendidikan dan latihan seperti yang termaktub dalam Artikel 5(e)(v) konvensyen ini (OHCHR, 2022).

Dengan meratifikasi ICERD, kelebihan yang dimiliki oleh orang Melayu selama ini seperti tanah rizab Melayu, penjawatan awam, kemasukan ke UiTM, kuota kemasukan ke kolej dan universiti mahupun sekolah berasrama penuh, terbuka untuk dicabar menerusi tekanan antarabangsa sekiranya terdapat pihak yang melaporkan kepada Jawatankuasa Penghapusan Diskriminasi Kaum (*Committee on the Elimination of Racial Discrimination*- CERD). Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi memantau resolusi konvensyen agar dipatuhi oleh negara anggota (OHCHR, 2022). Bagi pihak yang menyokong ICERD pula, mereka berpandangan bahawa negara anggota boleh memohon pengecualian terhadap beberapa dasar atau keistimewaan misalnya untuk tujuan afirmatif seperti memajukan ekonomi orang Melayu yang ketinggalan. Walau bagaimanapun, tindakan tersebut sukar untuk diterima oleh orang Melayu kerana merisikokan Perkara 153 yang menjadi sumber kuasa bagi membentuk mekanisme diskriminasi positif (Abdul Aziz, 2006).

Ratifikasi ICERD merupakan gambaran keterancaman yang terhasil daripada kesenjangan sosial yang berlaku di negara ini khususnya dalam ekonomi dan politik. Seperti yang dijelaskan oleh Rousseau dan Garcia-Retamero (2007), faktor kesenjangan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kuasa menjadi faktor penting untuk mencetuskan keterancaman. Tambahan pula, pemilikan dan pemutlakan kuasa ekonomi dan politik di negara ini masih dikelaskan mengikut etnik iaitu Cina dinisbahkan sebagai menguasai ekonomi dan Melayu pula menguasai politik (Montesino, 2012). Perbezaan ini pula mempunyai kesan emosi yang cukup kuat dalam kalangan orang Melayu.

Kemunduran orang Melayu dalam sektor ekonomi dan penguasaan ekonomi oleh etnik bukan Melayu khususnya etnik Cina menyebabkan orang Melayu begitu sensitif dan skeptikal dengan sebarang usaha untuk mencapai matlamat egalitarian iaitu peluang yang saksama. Kelebihan yang diberikan kepada orang Melayu sejak pelaksanaan DEB tidak lagi dianggap sebagai satu wahana bersifat afirmatif untuk memajukan ekonomi dan sosial orang Melayu, sebaliknya dianggap sebagai satu simbol dan hak yang membezakan orang Melayu sebagai peribumi di negara ini (Means, 1972). Kandungan dan semangat ICERD bagi mewujudkan sebuah masyarakat tanpa diskriminasi itu sendiri dianggap merisikokan keistimewaan orang Melayu kepada tekanan dan cabaran masyarakat antarabangsa.

3.3. Isu Pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC)

Tuntutan gerakan pendidikan Cina seperti Dong Zong untuk mengiktiraf sijil bagi peperiksaan yang dijalankan di sekolah-sekolah menengah persendirian Cina (SMPC) yang dikenali sebagai UEC turut menjadi isu yang berkait dengan keterancaman Melayu. Isu UEC memberi satu kefahaman bahawa persaingan identiti inter-etnik masih lagi wujud di negara ini meskipun negara sudah lama mencapai kemerdekaan. Penolakan terhadap sistem pendidikan arus kebangsaan menyukarkan usaha kerajaan mencapai integrasi nasional (Wan Norhasniah, 2015). UEC sudah dijalankan sejak tahun 1975 dan dijalankan bagi menyeragamkan pentaksiran akademik bagai pelajar di SMPC. Hal ini menjadikan UEC sebagai setaraf dengan Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (STPM), matrikulasi, asasi dan A-Level sekiranya diiktiraf oleh kerajaan serta boleh memohon untuk kursus sarjana muda (Dong Zong, 2018).

Pengiktirafan UEC menjadi isu kerana PH telah meletakkan agenda untuk mengiktiraf UEC sebagai salah satu manifesto PH dalam PRU-14. Agenda tersebut boleh dilihat menerusi Buku Harapan, iaitu satu dokumen manifesto PH dan diletakkan dalam bahagian "Janji 50: Mengembalikan Wibawa Universiti Awam dan Pengajian Tinggi". Pertimbangan tersebut dibuat berdasarkan hujah bahawa sijil UEC telah diterima untuk kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Cina) di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) di bawah Kementerian Pendidikan. Langkah mengiktiraf UEC ini merupakan langkah seterusnya bagi menjadikan UEC sebagai satu medium kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (ITPA) kerana IPTA masih lagi tidak mengiktiraf kedudukan UEC (Lee, 2018).

Usaha mengiktiraf UEC oleh PH mengundang banyak reaksi bantahan khususnya daripada pertubuhan Melayu-Islam seperti Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (GAMIS), Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). GAMIS turut menganjurkan satu himpunan bantahan terhadap pengiktirafan UEC dan menyifatkan PH hanya mementingkan manifesto sampingan berbanding manifesto utama (Harakahdaily, 2018). Bantahan turut dinyatakan oleh GPMS yang menyatakan bahawa Dasar Pendidikan Kebangsaan tidak perlu dirombak semata-mata bagi memenuhi keperluan UEC dan kehendak sebilangan kecil masyarakat yang memilih untuk tidak berada dalam sistem pendidikan kebangsaan (Ahmad Suhael,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2019). Yazid Khairul Azman Pengerusi Majlis Politik Nasional GAMIS, ketika menyeru rakyat Malaysia membantah UEC menyebutkan bahawa UEC bercanggah dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan kerana sukatan pelajaran dalam UEC diasaskan mengikut acuan sistem pendidikan Taiwan serta hanya menggunakan bahasa Cina dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar (Harakahdaily, 2018).

Kenyataan tersebut selari dengan dokumen penerangan mengenai UEC yang dikeluarkan oleh Dong Zong yang menjelaskan penggunaan bahasa Cina secara meluas sebagai bahasa pengantar. Dalam lapan kertas peperiksaan UEC bagi peringkat menengah rendah, semua mata pelajaran dilaksanakan dalam bahasa Cina kecuali tiga kertas bahasa, iaitu kertas Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris termasuklah Bahasa Cina. Penggunaan dwibahasa pula hanya melibatkan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Cina dalam mata pelajaran Sains dan Matematik bagi sekolah menengah persendirian Cina di Sabah. Bagi peperiksaan menengah tinggi pula, jumlah keseluruhan kertas ialah 22 kertas. Daripada jumlah itu, selain 2 kertas bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris), terdapat 10 mata pelajaran yang dilaksanakan dalam bahasa Cina dan Inggeris dan sembilan mata pelajaran selebihnya dijalankan dalam bahasa Cina. Hal yang sama dapat dilihat menerusi peperiksaan bagi aliran Teknik dan Vokasional dalam UEC yang menawarkan lima kertas peperiksaan, dan daripada lima mata pelajaran tersebut, kesemua empat mata pelajaran tersebut dikaji dalam bahasa Cina manakala satu lagi di dalam bahasa Inggeris iaitu bagi mata pelajaran Industri Inggeris (Dong Zong, 2018).

Kontroversi mengenai UEC berlanjutan apabila Tommy Thomas mengumumkan penerimaan Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang Malaysia (LKPUM) untuk menerima lepasan UEC bagi menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (CLP) dan berkuat kuasa pada tahun 2021 (Bernama, 2019a). Pengumuman tersebut menerima kritikan daripada Suraya Yaacob Ketua Penerangan UMNO Kedah, yang membandingkan nasib lepasan UEC dengan pelajar Fakulti Undang-Undang dan Syariah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang masih tidak menerima sebarang respons berkaitan permohonan mereka bagi dikecualikan daripada menduduki CLP (Norjuliana, 2019). Pengumuman tersebut secara tidak langsung juga dikaitkan dengan kesan akibat pelantikan Tommy Thomas sebagai Peguam Negara.

Ketiadaan identiti sepunya yang menjadi asas keterancaman terserlah menerusi usaha mengiktiraf UEC. Kebanyakan krisis inter-etnik yang berlaku di negara ini hakikatnya berpunca daripada kegagalan membina sebuah bangsa yang memiliki kebudayaan nasional. Ini yang jelas berlaku dalam perjuangan pertubuhan pendidikan Cina seperti Dong Zong, yang dianggap sebagai perjuangan untuk memelihara kebudayaan dan identiti berasaskan etnik (Collins, 2006). Tambahan pula, kewujudan sekolah-sekolah menengah persendirian Cina merupakan manifestasi penolakan etnik Cina terhadap Laporan Rahman Talib yang ingin mewujudkan sistem pendidikan yang sama (Santhiram & Tan, 2015). Pengiktirafan UEC pula disikapi orang Melayu sebagai penolakan terhadap identiti negara yang berteraskan kebudayaan Melayu serta dasar-dasar pendidikan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar (Segawa, 2007). Hal ini telah mengentalkan solidariti etnik berbanding solidariti nasional sekaligus menyemarakkan lagi krisis antara etnik.

3.4. Polemik Pengenalan Tulisan Jawi

Keputusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memasukkan pengenalan seni tulisan khat bagi subjek Bahasa Tahun Empat di semua Sekolah Kebangsaan (SK)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) sebagai satu bentuk pengisian tambahan juga membangkitkan polemik intra-etnik di negara ini khususnya antara Melayu dan bukan Melayu (Zubir, 2020). Pengisian terbaru tersebut dilaksanakan bagi memberi pengetahuan kepada murid mengenai seni, warisan dan sejarah bahasa Melayu. Secara umumnya pengisian tersebut diisi dengan aktiviti berkaitan tulisan khat sebanyak enam muka surat dan dimuatkan dalam buku teks Bahasa Melayu. Pelaksanaannya pula hanya melibatkan murid Tahap 2 sahaja iaitu murid tahun 4 pada tahun 2020 dan tidak melibatkan murid Tahap 1 iaitu murid tahun satu hingga tahun tiga (Penyata Rasmi Parlimen, 2019).

Polemik tulisan Jawi mula timbul apabila Sin Chew Daily pada 25 Julai 2019 telah melaporkan di muka depan akhbar tersebut bahawa sukatan pelajaran murid tahun empat akan mengandungi enam muka surat pengenalan tentang tulisan Jawi. Menurut Chin Tong, yang juga pemimpin kanan DAP, akhbar tersebut telah memberi satu persepsi yang salah terhadap pengenalan tulisan Jawi sehingga mencetuskan kegelisahan dalam kalangan orang Cina (Liew, 2019). Keputusan KPM untuk memperkenalkan tulisan Jawi telah menerima bantahan daripada pelbagai segmen masyarakat sivil bukan Melayu misalnya Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong), Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) (Chie, 2019) dan juga dua buah pertubuhan Tamil iaitu *Tamil Foundation* dan *CHILD Information, Learning & Development Centre* (Mohd Anwar, 2019). Bantahan turut dibuat oleh 138 pemimpin akar umbi DAP termasuklah 13 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada DAP yang telah mengeluarkan kenyataan bersama menolak pelaksanaan tersebut (Malaysiakini, 2019). Selain itu, Dong Zong juga mendakwa bahawa terdapat lebih 900 buah sekolah yang menolak pembelajaran tulisan Jawi ini menerusi kajian yang dijalankan oleh Dong Zong terhadap SJKC di seluruh negara (Samadi, 2019a).

Penolakan terhadap pengenalan tulisan Jawi jelas kelihatan menerusi beberapa siri bantahan secara terbuka seperti penggantungan kain rentang yang tertulis “Kami tidak menyokong dan tidak akan mengajar seni tulisan khat dan tulisan Jawi” dan digantung di beberapa tempat seperti hadapan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Batu Caves (Nur Farhana, 2019). Terdapat juga penganjuran kongres bagi membincangkan isu Jawi misalnya Kongres Jawi Kebangsaan yang dianjurkan oleh Gabungan Seni Khat Action Team (SEKAT) yang berjaya menghimpunkan seramai 1,200 peserta dan mengemukakan resolusi untuk membantah pengajaran tulisan Jawi tanpa rundingan dengan pemegang taruh (Samadi, 2019b). Tidak terkecuali, Dong Zong turut menganjurkan sebuah perhimpunan bertempat di Kolej New Era pada 28 Disember 2019 dan berjaya menghimpunkan lebih 100 buah pertubuhan Cina di seluruh negara (Wan Noor, 2019).

Terdapat beberapa faktor penolakan bukan Melayu terhadap pengajar tulisan Jawi ini antaranya ialah dakwaan bahawa pengisian tersebut tidak bertepatan dengan keperluan sebenar pembelajaran Bahasa Melayu dan tidak akan membantu murid menguasai Bahasa Melayu dengan baik serta membebankan lagi kerja murid dan guru (Mohd Anwar, 2019). Namun begitu, hujah tersebut sangat tidak signifikan kerana menurut salah seorang panel yang menggubal kurikulum terbaru itu, S Vijayaletchumy dari Universiti Putra Malaysia (UPM), murid hanya perlu menekap, menyambung titik pada huruf Jawi dan meniru semula huruf tersebut dalam bentuk khat. Pembelajaran pula hanya berlangsung selama 10 minit terakhir kelas sahaja dan bertindak sebagai bahan sokongan kepada kemahiran mata pelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, hanya lima

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

hingga enam aksara Jawi sahaja yang diperkenalkan kepada murid dan berlangsung sebanyak empat kali sahaja setahun tanpa melibatkan sebarang pentaksiran (Bernama, 2019b). Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak yang membantah pengenalan tulisan Jawi ialah, dapat dikenal pasti asas kepada penolakan tersebut ialah berpunca daripada kebimbangan bahawa pengenalan tulisan Jawi tersebut ialah satu langkah Islamisasi (Alfian, 2019).

Bantahan baik secara terbuka mahupun tertutup seperti penganjuran kongres menimbulkan perasaan kurang senang orang Melayu yang menganggap bantahan tersebut sebagai simbol penolakan terhadap identiti negara yang berteraskan Melayu dan Islam (Nor 'Asyikin, 2020). Tidak kurang juga polemik ini telah menjelmakan solidariti etnik yang kuat dalam kalangan orang Melayu khususnya menerusi parti politik seperti Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan), UMNO dan PAS serta pertubuhan Melayu-Islam. ABIM misalnya menerusi kenyataan media mereka menganggap Jawi sebagai legasi warisan bangsa dan telah digunakan sejak 700 tahun yang lalu. ABIM turut berpandangan bahawa tulisan Jawi merupakan sebahagian daripada identiti nasional yang telah lama ditinggalkan (Mohd Raimi, 2019).

Beberapa pertubuhan Melayu-Islam turut memberi tindak balas terhadap penolakan tersebut dengan turut menganjurkan Himpunan Pertahan Jawi bertempat di Stadium Kajang pada hari yang sama dengan hari persidangan Dong Zong sebelum dibatalkan atas nasihat pihak polis (Nurul Hidayah, 2019). Walau bagaimanapun masih terdapat bantahan lain yang dianjurkan, misalnya yang digerakkan oleh GAMIS iaitu "Himpunan Bangkit Pertahan Jawi, Haramkan Dong Zong" pada 1 Januari 2020. Himpunan tersebut dimulakan dengan perarakan dari Masjid Jamek ke Pusat Beli Belah Sogo dengan agenda utama mempertahankan Jawi dan mendesak agar Dong Zong diharamkan (Faisal, 2019).

Polemik panjang berkaitan isu Jawi ini telah membuatkan kerajaan PH melakukan beberapa penyesuaian. Hal tersebut dimaklumkan oleh Maszlee Malik selaku Menteri Pendidikan yang memaklumkan bahawa kabinet bersetuju untuk mengurangkan muka surat pembelajaran ini daripada enam muka surat kepada tiga muka surat sahaja dan tidak akan dinilai dalam mana-mana ujian atau peperiksaan (Irwan Shafrizan, 2019). Kerajaan juga telah memutuskan untuk melaksanakan pembelajaran ini secara pilihan, iatu hanya dilaksanakan sekiranya dipersetujui oleh PIBG serta ibu bapa dan murid (Juani Munir, 2019). Keputusan PH dalam isu ini meninggalkan kesan yang cukup besar terutamanya melibatkan tanggapan orang Melayu kepada PH. Tindakan mengalah kerajaan PH kepada tuntutan-tuntutan pertubuhan bukan Melayu seperti Dong Zong dan SEKAT telah dikritik oleh banyak pihak yang menganggap PH gagal mempertahankan simbol dan identiti orang Melayu yang turut menjadi sebahagian daripada tradisi negara.

Isu pembelajaran tulisan Jawi mencerminkan beberapa perkara, pertama, psike keterancaman bukan sahaja melanda orang Melayu tetapi juga bukan Melayu. Kedua, isu ini menyerlahkan ketiadaan identiti sepunya yang boleh mengikat kepelbagaian etnik di Malaysia turut menyumbang kepada psike keterancaman. Bagi orang Melayu pula, faktor ketiadaan pelindung yang berkesan menyebabkan muncul rasa kurang senang orang Melayu terhadap kerajaan. Hal ini kerana, dari perspektif persaingan etnik, orang Melayu mengharapkan parti pemerintah untuk melindungi kepentingan mereka termasuklah simbol-simbol kemelayuan seperti tulisan Jawi. Keputusan kerajaan PH untuk mengurangkan bilangan muka surat pembelajaran Jawi daripada enam muka surat kepada tiga muka surat menggambarkan PH gagal menjadi pelindung orang

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Melayu. Apatah lagi PH dilihat akur kepada desakan pertubuhan pendidikan bukan Melayu apabila tidak mewajibkan pembelajaran Jawi sebaliknya memberikan pilihan sepenuhnya kepada PIBG dan sekolah sama ada untuk meneruskan atau tidak.

Bagi bukan Melayu, pembelajaran tulisan Jawi merupakan satu dilema besar yang dihadapi mereka kerana pembelajaran tulisan Jawi dilihat sebagai satu langkah Islamisasi terhadap sekolah vernakular mereka. Igauan terhadap agenda Islamisasi dalam kalangan bukan Melayu telah berlaku sejak kebangkitan Islam sekitar tahun 1970-an (Lee, 2007). Kebangkitan Islam telah membawa impak besar sehingga mempengaruhi banyak aspek kenegaraan termasuklah dasar-dasar kerajaan ketika itu (Ahmad Fauzi & Che Hamdan, 2015). Fenomena Islamisasi di Malaysia pula unik kerana bercirikan "*ethno-religious*", iaitu pencairan identiti antara agama dan etnik (Faulkner, 2017). Secara tidak langsung, hal tersebut memberi satu kefahaman keliru kepada bukan Melayu bahawa setiap ciri-ciri kebudayaan Melayu merupakan sebahagian daripada ciri-ciri kebudayaan Islam juga (Pranav, 2012). Jelas kekeliruan dan keterancaman ini muncul akibat tiadanya kesefahaman dalam isu-isu yang melibatkan kebudayaan dan identiti nasional.

3.5. Polemik Rasionalisasi aset TH

Isu rasionalisasi aset TH turut menyerlahkan keterancaman Melayu yang berbangkit ketika pemerintahan PH. Keterancaman Melayu telah menyebabkan wujud stigma orang Melayu terhadap perubahan yang dilakukan PH. Isu ini mula ditimbulkan oleh pembangkang yang mencipta persepsi bahawa PH telah menggadaikan aset pegangan TH bagi mengurangkan tanggungan hutang yang dihadapi oleh TH. Meskipun PH memiliki justifikasinya yang tersendiri, tindakan tersebut telah dianggap sebagai menjual aset sebuah institusi penting dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Lebih merumitkan, muncul kepercayaan umum orang Melayu bahawa TH telah dikuasai oleh bukan Islam.

Langkah rasionalisasi aset TH diumumkan sebagai sebahagian daripada rangka pemulihan aset di bawah Pelan Penstrukturan dan Pemulihan TH yang bertujuan untuk menyelesaikan defisit yang dihadapi oleh TH iaitu sebanyak RM 4.1 bilion setakat 31 Disember 2017. Bagi menjayakan pelan tersebut, aset-aset yang tidak memberi keuntungan bernilai kira-kira RM 19.9 bilion telah dipindahkan kepada syarikat Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB), iaitu sebuah syarikat tujuan khas (SPV) yang dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan. Aset tersebut melibatkan harta seperti tanah yang dibeli oleh 1MDB pada tahun 2015, dan juga ekuiti yang merosot sebanyak 20 peratus sejak diambil alih oleh TH misalnya saham dalam Felda Global Ventures (FGV) (Khairil, 2018).

Kerajaan PH juga bersetuju untuk menyuntik dana bersih sebanyak RM 17.8 bilion kepada TH agar TH dapat membiayai kewangan TH selama 10 tahun iaitu dari tahun 2020 hingga 2030 (Abdul Halim, 2019). Namun begitu, langkah rasionalisasi tersebut telah mendatangkan polemik dalam kalangan orang Melayu-Islam di Malaysia yang menganggap langkah memindahkan aset TH ke bawah syarikat milik penuh Kementerian Kewangan membuktikan bahawa TH telah dikuasai oleh bukan Islam dan Lim Guan Eng.

Persoalan besar mula berbangkit apabila terdapat keraguan dalam langkah tersebut kerana melibatkan sejumlah besar aset perladangan Tabung Haji Property (THP) yang

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dipindah milik kepada Tamaco, iaitu sebuah syarikat bukan Bumiputera. Menurut Bursa Malaysia (2019), THP telah menjual dua anak syarikat THP iaitu Bumi Suria Ventures Sdn Bhd (BSV) dan Maju Warisanmas Sdn Bhd (MWM) yang memiliki jumlah ladang seluas 6,514 hektar (Bursa Malaysia, 2019). Najib Razak, bekas Perdana Menteri Malaysia menerusi hantaran Facebooknya antara pemimpin terawal yang membangkitkan kewajaran kerajaan PH meluluskan penjualan aset THP yang dipegang oleh 14 buah anak syarikat THP secara besar-besaran iaitu sebanyak 76.2 peratus daripada jumlah keluasan ladang THP. Najib Razak turut berpendapat bahawa alasan penjualan aset THP bagi mengurangkan hutang THP sebagai tindakan yang tidak munasabah ketika harga aset dan pasaran dalam keadaan lemah. Kegagalan kerajaan PH memberi penerangan yang berkesan menyebabkan berlaku kegagalan komunikasi yang cukup besar dalam kalangan orang Melayu.

Walau bagaimanapun, terdapat juga pihak yang menyokong langkah rasionalisasi tersebut dan berpendapat bahawa proses tersebut perlu dilaksanakan dengan segera kerana kedudukan kewangan TH berada dalam situasi yang parah (*financial distress*) khususnya melibatkan jumlah tanggungan hutang yang melebihi keupayaan syarikat untuk membayar semula hutang tersebut. Langkah tersebut diyakini mampu untuk memulihkan kewangan TH sekali gus mengelakkan THP diisytiharkan bankrap kerana gagal membayar hutang (Mahanum, 2020).

Analisis terhadap isu penjualan aset TH mendapati bahawa polemik ini timbul akibat terpengaruh oleh manipulasi media dan parti-parti politik. Langkah penjualan aset TH hakikatnya merupakan satu urus niaga korporat biasa bagi mengurangkan tanggungan hutang, namun langkah tersebut senang menjadi sasaran kritikan lawan politik. Ketika pemerintahan BN, Pakatan Rakyat menerusi Husam Musa juga telah mempolemikkan penjualan keseluruhan ladang kelapa sawit TH seluar 80,000 hektar di Riau, Indonesia kepada sebuah syarikat Robert Kuok (Sinar Harian, 2012). TH juga pernah menjual dua anak syarikatnya iaitu TH Bakti pada tahun 2015 dan THP Gemas sebanyak RM154.1 juta pada tahun 2016 bagi mengurangkan beban kewangan TH (NST Business, 2019). Ini menunjukkan penjualan aset merupakan satu langkah biasa bagi melupuskan hutang, namun sering terdedah kepada polemik politik.

Oleh sebab itu isu rasionalisasi aset wajar dibincangkan secara rasional bukannya menerusi kaca mata politik. Zaharudin (2019), seorang pakar kewangan Islam yang mengulas isu penjualan aset TH menyifatkan tindakan memindah aset kepada SPV seperti UJSB sebagai satu keperluan. Tindakan tersebut lebih selamat berbanding menyerahkan pegangan aset kepada pemilikan pihak luar yang berasaskan keuntungan semata-mata. UJSB juga mewakili kerajaan Malaysia, sekali gus penjamin kepada deposit TH dan bukanlah hak milik mutlak Menteri Kewangan. Zaharudin juga menegaskan bahawa isu CEO SPV TH sebagai bukan Islam sebagai satu isu yang telah dipolitikkan dan di manipulasi (Zaharudin, 2019). Rasional tindakan penjualan aset TH terjawab apabila Muhyidin Yasin, Perdana Menteri Malaysia menjawab secara bertulis di Dewan Rakyat pasca kejatuhan PH bahawa tindakan tersebut telah berjaya mewujudkan lebihan aset berbanding liabiliti sebanyak RM1.9 bilion. Muhyidin turut menegaskan bahawa TH tidak dikuasai oleh bukan Islam (Bernama, 2020). Jawapan Perdana Menteri menjawab dakwaan-dakwaan palsu yang dilontarkan sebelum ini berhubung rasional penjualan aset. Hal ini membuktikan bahawa isu keterancaman Melayu bukan sahaja dipegaruhi oleh konstruk sosial tetapi turut disumbangkan oleh konstruk politik.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan mengenai isu keterancaman Melayu di atas, jelas isu-isu yang berbangkit didorong oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran yang menjadi asas keterancaman Melayu. Hasil perbincangan membuktikan bahawa asas keterancaman Melayu berpunca daripada dua konstruk utama, iaitu konstruk sosial dan konstruk politik. Akibat ketiadaan identiti nasional yang jelas, muncul keterancaman yang didorong oleh konstruk sosial. Ini jelas terlihat dalam isu pengiktirafan UEC dan pengenalan tulisan Jawi yang membawa polemik antara Melayu dan bukan Melayu. Kuasa ekonomi dan politik yang tidak selari antara etnik menyebabkan berlaku kecurigaan dalaman khususnya orang Melayu, yang sering menganggap etnik bukan Melayu mempunyai cubaan untuk merampas kuasa politik Melayu. Kecurigaan ini semakin kompleks apabila banyak isu telah dijadikan modal politik oleh seteru politik kerajaan PH bagi memburukkan imej PH misalnya dalam isu rasionalisasi aset TH. Faktor-faktor ini walau bagaimanapun tidak menafikan faktor kelemahan PH itu sendiri dalam menjadi mekanisme pelindung politik yang berkesan kepada orang Melayu. Isu pelantikan bukan Melayu dalam jawatan-jawatan strategik negara, ratifikasi ICERD dan kelemahan PH yang akur kepada tuntutan pertubuhan bukan Melayu dalam isu Jawi menampakkan lagi kelemahan PH dalam memahami realpolitik Malaysia yang masih lagi bertunjangkan politik etnikisme. Hal ini meninggalkan implikasi politik yang besar kepada kerajaan PH seperti menghalang perjalanan agenda reformasi institusi sehingga membawa kejatuhan PH menerusi Langkah Sheraton.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih diberikan kepada pihak Universiti Malaya, khususnya Akademi Pengajian Melayu kerana memberi kemudahan untuk menjalankan penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding*)

Penghargaan kepada Universiti Malaya dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana memberi tajaan untuk menjalankan penyelidikan menerusi Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Ab Basith Husain & Mohd Mahadee Ismail. (2018). *Etnik, Primordialisme dan modenisasi di Malaysia: Pemerhatian ke atas isu-isu etnik dan agama pasca PRU14*. HADHARI-UKM.

Abdul Aziz Bari. (2006). *Politik perlembagaan*. Institut Kajian Dasar.

Abdul Aziz Bari. (2010). *Perspektif perlembagaan selepas Tsunami 2008*. IDEAS.

Abdul Halim Yusoff. (2019, April 10). Kerajaan suntik RM17.8 bilion pulihkan Tabung Haji. *BH Online*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/551439/kerajaan-

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

suntik-rm178-bilion-pulihkan-tabung-haji
Abdul Rahman Embong. (2015). *Negara-bangsa: Proses dan perbahasan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
Ahmad Fauzi Abdul Hamid & Che Hamdan Che Mohd. Razali. (2015). The changing face of political islam in Malaysia in the era of Najib Razak, 2009–2013. *Sojourn*, *30*(2), 301–337. https://doi.org/10.1355/sj30-2a
Ahmad Suhael Adnan. (2019, January 5). GPMS gesa bubar jawatankuasa kaji UEC. *BH Online*. https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2019/01/516450/gpms-gesa-bubar-jawatankuasa-kaji-uec
Ahmad Yazid Othman. (2019). *Stop divisive drive to ratify ICERD*. MTEM.
Ahmat Adam. (2014). *Melayu, nasionalisme radikal dan pembinaan bangsa*. Penerbit Universiti Malaya.
Alfian Z.M. Tahir. (2019, December 27). Opposition to Jawi based on Islamisation fears, says Dong Jiao Zong. *The Malaysian Insight*. https://www.themalaysianinsight.com/s/208454
Baharom Kassim & Mohd Syarul Razi Mohd Hazmi. (2018). Islam era Malaysia Baharu: Isu dan agenda pelaksanaan. *Konvensyen Nasional "Islam Dan Era Malaysia Baharu": Dinamika Wacana Kepelbagaian Cabaran*.
Beland, D. (2007). Insecurity and Politics: A framework. *The Canadian Journal of Sociology*, *32*(3), 317–340.
Berghash, R. & Jillson, K. (1998). Thoughts on psyche, soul, and spirit. *Journal of Religion and Health*, *37*(4), 313–322. https://doi.org/10.1023/A:1022979723704
Berita Harian Singapura. (2018, June 7). Anwar: Pelantikan Peguam Negara baru tak jejas kedudukan Islam, hak Melayu. *Berita Harian Singapura*. https://www.beritaharian.sg/dunia/anwar-pelantikan-peguam-negara-baru-tak-jejas-kedudukan-islam-hak-melayu
Bernama. (2019a, March 29). UEC recognition for eligibility to sit for CLP exam. *New Straits Times*. https://www.nst.com.my/news/nation/2019/03/474179/uec-recognition-eligibility-sit-clp-exam
Bernama. (2019b, August 7). Khat: Hanya tekap, sambung titik, tiru semula. *Astro Awani*. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-tulisan-khat-hanya-tekap-sambung-titik-tiru-semula-sahaja-214381
Bernama. (2020). *Tabung Haji tidak dikuasai bukan Islam – PM Muhyiddin*. Pejabat Perdana Menteri Malaysia. https://www.pmo.gov.my/ms/2020/07/tabung-haji-tidak-dikuasai-bukan-islam-pm-muhyiddin/
Bram, C. & Gammer, M. (2013). Radical Islamism, traditional Islam and ethno-nationalism in the Northern Caucasus. *Middle Eastern Studies*, *49*(2), 296–337. https://doi.org/10.1080/00263206.2013.763797
Bursa Malaysia. (2019). *Proposed disposals of 100% equity interests in Bumi Suria Ventures Sdn. Bhd. and Maju Warisanmas Sdn. Bhd. by TH Plantations Berhad*. https://www.bursamalaysia.com/market_information/announcements/company_announcement/announcement_details?ann_id=3007790
Chandra Muzaffar. (1979). *Protector*. Aliran.
Chie, K. G. (2019, December 28). Dong Jiao Zong, Chinese NGOs insist no Jawi lessons for year four pupils. *Malaysiakini*. https://www.malaysiakini.com/news/505164
Chin, J. (2018). The comeback kid: Mahathir and the 2018 Malaysian general elections. *Round Table*, *107*(4), 535–537. https://doi.org/10.1080/00358533.2018.1494692
Ciovacco, C. (2019). The shaping of threat through narration. *Journal of Strategic Security*, *13*(2), 48–63.
Collins, A. (2006). Chinese educationalists in Malaysia. *Asian Survey*, *46*(2), 298–318.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Davis, J. W. (2000). *Threats and promises: The pursuit of international influence*. Johns Hopkins University Press.

Dimaggio, P., & Markus, H. R. (2010). Culture and social psychology: Converging perspectives. *Social Psychology Quarterly*, *73*(4), 347–352. https://doi.org/10.1177/0190272510389010

Dong Zong. (2018). *Nilai dan pencapaian Sijil Peperiksaan Bersama (UEC): Soal-jawab*. https://www.dongzong.my/infobook/book/UEC soal jawab - (BM) 2019.pdf

Faisal Asyraf. (2019, December 31). Gamis sambut tahun baru anjur himpunan pertahan tulisan Jawi. *Malaysiakini*. https://www.malaysiakini.com/news/505481

Faulkner, C. L. (2017). Identity Change Among Ethno-Religious Border Crossers: The Case of the Former Amish. *Review of Religious Research*, *59*(4), 447–470. https://doi.org/10.1007/s13644-017-0309-2

Furedi, F. (2018). *How fear works: Culture of fear in the twenty-first century*. Bloomsbury Continuum.

Gurnam Singh & Manjit Kaur. (2008). Dynamics of identity politics: A comparative study of Sikh and Mohajir ethno-nationalism. *The Indian Journal of Political Science*, *69*(4), 919–936.

Harakahdaily. (2018, July 13). Bantah UEC: Gamis akan anjur himpunan aman. *Harakahdaily*. https://harakahdaily.net/index.php/2018/07/13/bantah-uec-gamis-akan-anjur-himpunan-aman/

Heywood, A. (2007). *Political ideologies: an introduction*. Palgrave Macmillan.

Hooker, V. M. (2019). Reconfiguring Malay and Islam in contemporary Malaysia. In T. P. Barnard (Ed.), *Contesting Malayness*. NUS Press.

Hough, P. (2008). *Understanding global security* (Second Edi). Routledge.

Irwan Shafrizan Ismail. (2019, August 8). Tulisan khat dilaksanakan secara pilihan - Maszlee. *BH Online*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/594127/tulisan-khat-dilaksanakan-secara-pilihan-maszlee

Jabatan Peguam Negara. (n.d.). *Senarai Mantan Peguam Negara*. Retrieved July 7, 2020, from http://www.agc.gov.my/agcportal/index.php?r=portal2/left&menu_id=ZXhPNG5aRm5RTW9aYzJnWkxqalhPdz09

Juani Munir Abu Bakar. (2019, December 30). Hanya tiga muka surat, mengapa masih berkeras? *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/63803/BERITA/Nasional/Hanya-tiga-muka-surat-mengapa-masih-berkeras

Kartini Aboo Talib@Khalid & Suraiya Ishak. (2020). Penerimaan dan Penolakan International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) dalam kalangan masyarakat Melayu dan Bumiputera di Malaysia. *Islāmiyyāt*, *41*(2), 81–91.

Khairil Ashraf. (2018, December 11). TH umum pelan pemulihan, aset RM19.9 bilion dipindahkan. *FMT*. https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/12/11/th-umum-pelan-pemulihan-aset-rm19-9-bilion-dipindahkan/

Lee, H. A. (2007). Majority affirmative action in Malaysia: Imperatives, compromises and challenges. In *Global Centre for Pluralism*. https://doi.org/10.1355/seaa-05l

Lee, H. A. (2018). Education in post GE-14 Malaysia: Promises, overtures and reforms. *Perspective*, *59*(2018).

Liew, C.T. (2019, August 13). Cabaran mentadbir dalam demokrasi masyarakat majmuk pasca kebenaran. *The Malaysian Insight*. https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/175228

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Mahanum Abdul Aziz. (2020, January 24). TH Plantations jual aset mantapkan kewangan. *BH Online*. https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/01/649670/th-plantations-jual-aset-mantapkan-kewangan

Malaysiakini. (2019, July 31). Pemimpin akar umbi DAP bantah khat dalam silibus sekolah vernakular. *Malaysiakini*. https://www.malaysiakini.com/news/486158

Means, G. P. (1972). "Special Rights" as a strategy for development: The case of Malaysia. *Comparative Politics*, *5*(1), 29. https://doi.org/10.2307/421353

Milner, A. (2019). *Melayu atau Kemelayuan: Menelusuri sejarah idea*. SIRD.

Mohd. Salleh Abas. (1986). Traditional elements of the Malaysian Constitution. In Trindade, F.A & Lee, H.P. (Ed.), *The Constitution of Malaysia: Further perspectives and developments* (pp. 1–17). Oxford University Press.

Mohd. Salleh Abas. (2015). *Prinsip perlembagaan & pemerintahan di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Anwar Patho Rohman. (2019, August 15). 12 pertubuhan tak setuju tulisan khat untuk murid SJKC, SJKT. *BH Online*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/592977/12-pertubuhan-tak-setuju-tulisan-khat-untuk-murid-sjkc-sjkt

Mohd Raimi Ab Rahim. (2019, August 3). Polemik Khat: Tingkatkan Martabat Tulisan Jawi Dalam Sistem Pendidikan Negara. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/41266/KHAS/Pendapat/Polemik-khat-Tingkatkan-martabat-tulisan-jawi-dalam-sistem-pendidikan-negara

Montesino, M. U. (2012). Cross-cultural conflict and affirmative action: Inter- and intra-ethnic dilemmas of Malaysia's heterogeneous workplace. *International Journal of Cross Cultural Management*, *12*(1), 115–132. https://doi.org/10.1177/1470595811413110

Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud. (2016). *Pilihan Raya Umum Ke- 13: Kesinambungan politik baharu, kekentalan politik lama*. UUM Press.

Nabihah Hamid. (2018, June 4). A-G has "no duty over shariah matters." *The Malaysian Insight*. https://www.themalaysianinsight.com/s/52411

Nor 'Asyikin Mat Hayin. (2020, January 5). Tulisan Jawi adalah identiti negara. *MyMetro*. https://www.hmetro.com.my/utama/2020/01/532116/tulisan-jawi-adalah-identiti-negara-metrotv

Norjuliana Yaacob. (2019, April 3). Pengiktirafan UEC: Kejayaan pertama DAP. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/21494/BERITA/Nasional/Pengiktirafan-UEC-Kejayaan-pertama-DAP

NST Business. (2019, December 6). TH Plantations sells two loss-making units for RM170mil. *New Straits Times*. https://www.nst.com.my/business/2019/12/545497/th-plantations-sells-two-loss-making-units-rm170mil

Nur Farhana Abdul Manan. (2019, August 19). Kain rentang bantah tulisan jawi digantung depan sekolah. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/43640/EDISI/Selangor-KL/Kain-rentang-bantah-tulisan-jawi-digantung-depan-sekolah

Nurul Hidayah Bahaudin. (2019, December 27). Himpunan Pertahan Jawi ditangguh. *MyMetro*. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/12/529738/himpunan-pertahan-jawi-ditangguh

Nurul Riduan Nor Ashaha. (2018, November 15). Persatuan Ulama Malaysia tolak ICERD. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/272/BERITA/Nasional/Persatuan-

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Ulama-Malaysia-tolak-ICERD
OHCHR. (2022, October 27). International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination. https://www.ohchr.org/en/instruments-mechanisms/instruments/international-convention-elimination-all-forms-racial
Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. (n.d.). *Mantan Ketua Hakim Negara*. Retrieved July 6, 2020, from http://www.kehakiman.gov.my/ms/mengenai-kami/mahkamah/mahkamah-persekutuan/mantan-ketua-hakim-negara?page=0
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2018). *Kenyataan Mufti Wilayah berhubung International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination*. https://muftiwp.gov.my/sumber/kenyataan-media-pmwp/2857-kenyataan-media-241118
Penyata Rasmi Parlimen. (2019). *Kamar Khas* (No. 38). Parlimen Malaysia. https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/KKDR-21102019.pdf#page=6&zoom=100&search=maszlee malik
Pranav Kumar. (2012). *Malaysia: Majority supremacy and ethnic tensions*. Institute of Peace and Conflict Studies (IPCS).
Reid, A. (2019). Understanding Melayu (Malay) as a source of diverse modern identities. In T. P. Barnard (Ed.), *Contesting Malayness*. NUS Press.
Rohaniza Idris. (2018, July 13). Pelantikan Richard Malanjum sebagai Ketua Hakim di luar kebiasaan. *BH Online*. https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/07/448646/perlantikan-richard-malanjum-sebagai-ketua-hakim-di-luar-kebiasaan
Rousseau, D. L. & Garcia-Retamero, R. (2007). Identity, power, and threat perception. *Journal of Conflict Resolution*, *51*(5), 744–771. https://doi.org/10.1177/0022002707304813
Rustam A. Sani. (2011). *Asal-usul sosial golongan kiri Melayu: Satu analisis berkenaan Kesatuan Melayu Muda*. SIRD.
Samadi Ahmad. (2019a, January 2). Masih berkeras isu Jawi. *MyMetro*. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/01/531340/masih-berkeras-isu-jawi
Samadi Ahmad. (2019b, December 30). Isu Jawi: SEKAT serah resolusi, sedia berdialog. *BH Online*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/642563/isu-jawi-sekat-serah-resolusi-sedia-berdialog
Santhiram, R. Raman & Tan, Y.S. (2015). The development of Chinese education in Malaysia: Problems and challenges. *ISEAS Working Paper*. *No. 2.* www.iseas.edu.sg.
Segawa, N. (2007). Malaysia's 1996 Education Act: The impact of a multiculturalism-type approach on national integration. *Journal of Social Issues in Southeast Asia*, *22*(1), 30–56.
Shamsul, A. B. (2001). A history of an identity, an identity of a history: The idea and practice of "Malayness" in Malaysia reconsidered. *Journal of Southeast Asian Studies*, *32*(3), 355–366. https://doi.org/10.1017/s0022463401000194
Simpson & Yinger. (1985). *Racial and cultural minorities: An analysis of prejudice and discrimination.* (5th ed.). Plenum.
Sinar Harian. (2012, March 29). Tuntut sebab Tabung Haji mahu jual ladang sawit. *Sinar Harian*, 4. https://www.tabunghaji.gov.my/en/newspaper-clipping/tuntut-sebab-tabung-haji-mahu-jual-ladang-sawit
Siti A'isyah Sukaimi. (2018, July 13). Pelantikan Richard Malanjum tidak jejas kedudukan Islam. *BH Online*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/07/448759/pelantikan-richard-malanjum-tidak-jejas-kedudukan-islam

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Siti Aeisha Joharry & Nor Diyana Saupi. (2019). ICERD in Malaysian online news reports: A cross-linguistic comparative corpus analysis. *International Journal of Modern Languages And Applied Linguistics*. https://doi.org/10.24191/ijmal.v3i4.7724

Syed Husin Ali. (2004). *Merdeka rakyat dan keadilan: Kumpulan artikel mengkritik dasar-dasar UMNO-BN dan mengemukakan asas-asas politik menuju Malaysia baru.* SIRD.

Tashny Sukumaran. (2018, November 23). Malaysia's Mahathir dumps pledge to ratify UN treaty on racial discrimination amid domestic backlash. *This Week in Asia*. https://www.scmp.com/week-asia/politics/article/2174750/malaysias-mahathir-dumps-pledge-ratify-un-treaty-racial

Thock, K. P. (2015). *Ketuanan politik Melayu: Pandangan kaum Cina*. Penerbit Universiti Malaya.

United Nation. (1966). *International Convention of the Elimination of All Forms of Racial Discrimination*. https://treaties.un.org/doc/Publication/MTDSG/Volume I/Chapter IV/IV-2.en.pdf

Wan Noor Hayati Wan Alias. (2019, December 26). Dong Zong tetapkan teruskan persidangan isu tulisan jawi. *BH Online*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/641715/dong-zong-tetapkan-teruskan-persidangan-isu-tulisan-jawi

Wan Norhasniah Wan Husin. (2015). *Peradaban dan perkauman di Malaysia: Hubungan etnik Melayu-Cina*. Penerbit Universiti Malaya.

Winnicot, D. W. (1965). Psychoanalysis and the sense of guilt. In *The maturational process and the facilitating environment*. International University Press.

Witsenburg, K. & Zaal, F. (2012). Spaces of insecurity. In K. & F. Z. Witsenburg (Ed.), *Spaces of insecurity: Human agency in violent conflicts in Kenya* (pp. 1–19). African Studies Centre.

Zaharudin Abdul Rahman. (2019, April 4). Fakta SPV, bangsa Cina dan Tabung Haji. *BH Online*. https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2019/04/548658/fakta-spv-bangsa-cina-dan-tabung-haji

Zubir Sulaiman. (2020, March 14). Dr Maszlee perjelas isu tulisan jawi. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/73799/BERITA/Nasional/Dr-Maszlee-perjelas-isu-tulisan-jawi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).